

03/06/2003

KDN serbu kediaman

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memulakan operasi menyerbu

premises kediaman yang disyaki mempunyai cakera padat video (VCD) lucah sebagai langkah terbarunya membendung pengedaran VCD berkenaan.

Pihak berkuasa di pintu masuk ke negara ini juga akan memeriksa dengan rapi mereka yang cuba menyeludup masuk VCD berkenaan, kata Ketua Unit Penguat Kuasa Zon Tengah KDN, Mamat Ibrahim

Operasi bermula serta-merta itu akan dibuat berdasarkan maklumat daripada orang ramai atau pihak berkuasa.

"Polis akan mengeluarkan waran untuk menggeledah rumah yang dikenal pasti memiliki VCD lucah.

"Namun, kita hanya bertindak selepas mendapat maklumat cukup dan tepat mengenai individu terbabit. Kita tidak akan pergi tahan sesiapa sesuka hati," kata beliau di pejabatnya di sini, semalam.

Operasi menyerbu rumah itu antara langkah proaktif yang diambil kerajaan

untuk menghapuskan edaran VCD lucah.

Mamat berkata, mereka yang bersalah memiliki VCD lucah dikenakan tindakan mahkamah di bawah Seksyen 5, Akta Pernapisan Filem 2002 dengan didenda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarahkan polis dan penguat kuasa undang-undang bertindak lebih pantas dan bijak untuk menghapuskan sindiket berkenaan.

Malah, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, mengarahkan semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri membanteras aktiviti penjualan VCD cetak rompak dan lucah dalam tempoh dua minggu bermula 26 Mei lalu.

Arahan itu dikeluarkan kepada semua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu

aktiviti tidak bermoral itu dihentikan segera.

Mamat berkata, pihak kastam dan imigresen sudah menjalankan pemantauan terhadap mereka yang disyaki membawa masuk VCD lucah dari luar negara.

Mengenai usaha membanteras penjualan VCD lucah dalam tempoh yang diberikan itu, Mamat berkata, pemantauan pihak berkuasa sehingga kelmarin

mendapati tiada lagi peniaga yang menjual VCD lucah secara terbuka di seluruh negara.

"Kita akan terus memastikan mereka tidak lagi menjual, dan kita juga tidak mahu perkara ini sebagai sementara saja," katanya.